



MBJB UNGGULI TEMPAT PERTAMA Anugerah Inisiatif Negara Taman Terindah



QR code
(penerbitan rasmi mbbb)

3	▶ Program 'Visit Johor' 2020
4	▶ Malam Penghayatan Islam 2020
5	▶ 'Town Hall' Anggota Bersama Pengurusan MBBJ
6	▶ PSI Terima Kunjungan Konsulat Indonesia
7	▶ Program Kelestarian Pendidikan LA 21
8	▶ Info Lawatan
9	▶ Majlis Menandatangani 'MOU' Antara MBBJ & JKR Negeri Johor
10	▶ Program 'Litter Picking' Lestari Kebersihan Bandar Raya
11	▶ Perasmian Persatuan Amal Sihat Johor & 'Cardio Fun Run 2020'
12	▶ Kilas Lensa
13	▶ - Program Pembudayaan Al-Quran & Taklimat Zakat - Program Pembudayaan Al-Quran & Ceramah Kesihatan
14	▶ 'Town Hall' MBBJ Bersama Masyarakat
15	▶ Majlis Bacaan Yasin & Tahlil Sempena Perpindahan Operasi Ke Menara MBBJ
16-17	▶ Program Zon Ahli Majlis & LA 21
18	▶ MBBJ Ungguli Tempat Pertama (Anugerah Inisiatif Negara Taman Terindah)
19	▶ Info COVID-19 & Kerja-Kerja Sanitasi Menara MBBJ
20-21	▶ MBBJ Sana Sini
22	▶ Aktiviti Dekontaminasi Masjid & Surau di Kawasan MBBJ
23	▶ Sekitar Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1

PENAUNG

YB Dato' Haji Adib Azhari
Bin Daud
Datuk Bandar

PENASIHAT

Encik Abdul Malik Bin Haji
Ismail
(Setiausaha)

Ir. Puan Hajah Nazatul
Shima Binti Mohamad
(Timbalan Setiausaha)

KETUA PENGARANG

Puan Fadzlina Binti Abdul
Malek

**SIDANG
PENGARANG/KOLUMNIS**

Encik Muhammad Iqbal Arami
Bin Mohamed Sharif
Puan Hidayah Binti Yusof
Cik Nurul Shafina Binti Shaari
Puan Norasmah Binti Mohd
Adros

JURU FOTO

Haji Bahri Bin Abdullah
Encik Romzi Bin Yusof

URUS SETIA

Unit Penerbitan,
Bahagian Korporat dan
Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.

LENSA BANDAR RAYA JB diterbitkan oleh Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru empat (4) kali setahun dan diedarkan secara PERCUMA. Kami sangat mengalu-alukan sumbangan idea berupa artikel, cadangan atau komen daripada anda. Sila hantarkan cetusan kreatif anda kepada:

**Unit Penerbitan, Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.**

HAK CIPTA TERPELIHARA Sebarang bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

DIREKTORI TELEFON MBBJ (AM)

JABATAN / BAHAGIAN	NO TELEFON	JABATAN / BAHAGIAN	NO TELEFON
PEJABAT DATUK BANDAR	07-228 2600	JABATAN PENILAIAN (PENGURUSAN HARTA)	07-228 2584
PEGAWAI KHAS DATUK BANDAR	07-221 2700	BAHAGIAN SUMBER MANUSIA	07-228 2522
PEJABAT SETIAUSAHA	07-228 2626	UNIT DASAR, INOVASI & LATIHAN	07-228 2589
PEJABAT TIMBALAN SETIAUSAHA	07-228 2510	UNIT HAL EHWAL ISLAM	07-228 2544
UNIT ADUAN	07-228 2532	BAHAGIAN PENTADBIRAN	07-228 2543
TALIAN ADUAN	07-219 8000	BAHAGIAN UNDANG-UNDANG	07-228 2598
TOL FREE ADUAN	1-300-88-0146	BAHAGIAN AUDIT DALAM	07-228 2588
BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	07-228 2521	UNIT INTEGRITI	07-228 2596
JABATAN PEMBANGUNAN KEMASYARAKATAN	07-228 2542	JABATAN PERANCANG (KAWALAN PERANCANGAN)	07-228 2548
BAHAGIAN PELESENAN	07-228 2549	JABATAN PERANCANG (RANCANGAN PEMAJUAN & PENGANTARABANGSAAN)	07-228 2518
BAHAGIAN PELESENAN (IKLAN)	07-228 2513	JABATAN KAWALAN BANGUNAN	07-228 2519
BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)	07-228 2514	BAHAGIAN PENGUATKUASAAN BANGUNAN	07-228 2520
UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)	07-228 2515	BAHAGIAN PROJEK BANGUNAN	07-228 2561
BAHAGIAN HASIL	07-228 2555	JABATAN KERJA AWAM (BAHAGIAN KERJA AWAM)	07-228 2524
BAHAGIAN PERBELANJAAN	07-228 2523	BAHAGIAN SALIRAN	07-228 2516
BAHAGIAN UKUR BAHAN	07-228 2534	JABATAN PENGUATKUASAAN	07-219 8229 / 07-226 1025
JABATAN PENILAIAN (PEJABAT PENGARAH & PENSWASTAAN)	07-228 2580	JABATAN LANDSKAP	07-228 2536 /07-228 2570
JABATAN PENILAIAN (UNIT TUNGGAKAN)	07-228 2595		
JABATAN PENILAIAN (UNIT TEKNIKAL/UNIT PENILAI)	07-228 2597		

RAI PELANCONG LUAR NEGARA

Sempena Tahun Melawat Johor 2020



1 Januari 2020 : Majlis Bandaraya Johor Bahru dengan kerjasama pihak Keretapi Tanah Melayu Berhad, Tourism Johor, Tourism Malaysia, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Johor, Bahagian Pengurusan Hartanah JPM, pihak pengurusan JB Sentral dan Southern X Media telah menyambut ketibaan para pelancong terawal menaiki Keretapi Tanah Melayu dari Woodlands, Singapura ke JB Sentral pada 8.30 pagi.



Ketibaan para pelancong tersebut disambut dengan persembahan Tarian Selamat Datang, Tarian Ketam Bangkang dan Tarian Zapin Lenga serta persembahan lagu-lagu tradisional ghazal.

Sambutan ini diadakan bagi mengalu-alukan ketibaan pelancong yang datang ke Malaysia melalui negeri Johor dan menguarakan Tahun Melawat Johor 2020 yang bermula pada 1 Januari 2020 di samping mempromosikan program-program yang akan diadakan sepanjang tahun 2020 ini.



MALAM PENGHAYATAN ISLAM

Zahir Kesyukuran Sempena Ulang Tahun Perisytiharan Bandar Raya Johor Bahru Ke-26



2 Januari 2020 : Sempena ulang tahun perisytiharan bandar raya Johor Bahru ke-26, Majlis Bandaraya Johor Bahru telah mengadakan program Malam Penghayatan Islam di Masjid Tun Hussein Onn, Larkin Jaya, Johor.

Penganjuran program ini bertujuan melahirkan tanda kesyukuran dan memohon ke hadrat Allah SWT agar kehadiran tahun baharu 2020 akan membawa bandar raya Johor Bahru ke arah sebuah bandar raya bertaraf antarabangsa, berbudaya dan lestari selaras dengan visi Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Program ini bermula seawal jam 6.00 petang dengan bacaan Yasin, tahlil dan doa selamat, diikuti sesi penyampaian bantuan khas kepada anak-anak yatim dari Baitul Maghfirah oleh YB Dato' Haji Adib Azhari bin Daud, Datuk Bandar Johor Bahru.

Selepas solat fardu Maghrib, berlangsungnya sesi ceramah perdana oleh Al-Fadhil Ustaz Zul Ramli Mohamed Razali, Ilmuwan dan Naqib Tetap 'Usrah Nurani' di Radio Ikimfm. Program tersebut telah dihadiri warga bandar raya bagi mengimarahkan masjid tersebut di samping memeriahkan sambutan ulang tahun perisytiharan bandar raya Johor Bahru ke-26.



SESI 'TOWN HALL' ANGGOTA BERSAMA PENGURUSAN MBBJ

7 Januari 2020 : Sebuah sesi 'town hall' telah diadakan antara anggota Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) bersama pihak pengurusan bagi bulan Januari 2020 yang diadakan di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim.

Sesi dialog yang diadakan buat julung kali ini bertujuan memberi ruang kepada warga kerja MBBJ untuk melontarkan pandangan, cadangan serta idea-idea bernas bagi menambahbaik sistem pengurusan MBBJ secara keseluruhannya.

Dalam sesi ini, warga kerja telah melafazkan Ikrar Perkhidmatan Awam selain mendengar amanat tahun baharu yang telah disampaikan oleh YB Dato' Haji Adib Azhari bin Daud, Datuk Bandar Johor Bahru.





قرقوسناكائ سلطان اسمعيل

PERPUSTAKAAN SULTAN ISMAIL



PERPUSTAKAAN SULTAN ISMAIL TERIMA KUNJUNGAN HORMAT KONSULAT JENDERAL REPUBLIK INDONESIA, JOHOR BAHRU

15 Januari 2020 : Delegasi Konsulat Jenderal Republik Indonesia di Johor Bahru, yang diketuai oleh Bapak Sunarko, Konsul Jenderal Republik Indonesia, berkesempatan mengadakan kunjungan hormat ke Perpustakaan Sultan Ismail (PSI) Johor Bahru.

Delegasi yang turut disertai oleh Konsul Penerangan Sosial Budaya bersama-sama tiga orang pegawai Konsulat Republik Indonesia itu telah disambut baik oleh Encik Khairul Anuar bin Esa, Pengarah Pembangunan Masyarakat, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB).

Delegasi berkenaan juga berpeluang mendengar sesi taklimat yang telah disampaikan oleh YM Tengku Tarmizi bin T. Aziz, Pustakawan MBJB berkenaan perkhidmatan perpustakaan dan program pendidikan yang dijalankan di perpustakaan awam tersebut.





PROGRAM KELESTARIAN PENDIDIKAN LA 21 DAN MAJLIS MENANDATANGANI 'MOU'

antara MBBJ, PPD Johor Bahru dan PPD Pasir Gudang

19 Januari 2020 – Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah menganjurkan Program Kelestarian Pendidikan LA 21 dan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) antara MBBJ, Pejabat Pendidikan Daerah Johor Bahru (PPD JB) dan Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Gudang (PPD PG) yang diadakan di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Johor Bahru.

Program Kelestarian Pendidikan LA 21 berkonsep 'town hall' ini merupakan suatu proses pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Kesihatan MBBJ ke atas 141 buah sekolah dalam kawasan MBBJ yang terdiri daripada Sekolah Menengah, Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil pada setiap tahun bermula tahun 2020.

Program tersebut diadakan bertujuan meningkatkan pemahaman kepada pihak sekolah tentang kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dan memberi peluang membudayakan ciri-ciri mesra alam di persekitaran sekolah, rumah, komuniti setempat dan sebagainya.

MBJB turut memaklumkan hadiah yang ditawarkan kepada pihak sekolah iaitu berupa geran projek pembangunan sekolah bagi 28 sekolah terbaik yang telah mencapai markah penilaian sebanyak 80% ke atas.





Lawatan daripada Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Tarikh: 14 Januari 2020
Jumlah peserta: 15 orang

Objektif: Mempelajari tentang manual Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) MJB.

Jabatan terlibat: Unit Aduan Awam, Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam



Lawatan dari Majlis Bandaraya Iskandar Puteri

Tarikh: 20 Januari 2020
Jumlah peserta: 5 orang

Objektif: Mempelajari tentang manual Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) MJB.

Jabatan terlibat: Unit Aduan Awam, Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam



Lawatan ke Majlis Bandaraya Iskandar Puteri

Tarikh : 17 Februari 2020
Jumlah peserta: 11 orang

Objektif : Mempelajari ilmu tentang proses dan kaedah perolehan secara sebut harga yang dipraktikkan di Majlis Bandaraya Iskandar Puteri bagi melancarkan proses kerja.



Lawatan dari Majlis Daerah Tanjong Malim ke Hutan Bandar, Youth Hub

Tarikh : 12 Mac 2020
Jumlah peserta: 40 orang

Objektif: Melaksanakan penandaarasan dan perkongsian amalan terbaik berkaitan pengurusan rekreasi dalam bandar khususnya untuk golongan belia dan remaja serta kemudahan lain yang terdapat di Hutan Bandar Johor Bahru dan *Johor International Youth Hub*.



MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN antara MBBJ dan JKR Negeri Johor

26 Februari 2020 – Sebuah sesi menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) antara YB Dato' Haji Adib Azhari bin Daud, Datuk Bandar Johor Bahru mewakili Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan YBhg. Ir. Haji Mohd Said bin Sidik, Pengarah JKR Negeri Johor mewakili Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) telah diadakan bertujuan mewujudkan penyertaan dan pelaksanaan bersama dengan kos dan perbelanjaan di atas jalan-jalan yang diselenggara oleh JKR dalam kawasan pentadbiran MBBJ.

Memorandum persefahaman ini berkaitan kerja-kerja pelupusan sisa pepejal dan pembersihan awam di jalan-jalan selenggaraan JKR, kerja-kerja pengambilalihan dan penyelenggaraan sistem pemasangan lampu jalan JKR oleh MBBJ, kerja-kerja pengambilalihan dan penyelenggaraan sistem pemasangan lampu isyarat oleh MBBJ, kerja-kerja pembaikan atau penyelenggaraan jalan dan perabot jalan oleh MBBJ.

Inisiatif ini juga merupakan tindakan yang dilaksanakan oleh MBBJ bagi menangani peningkatan penerimaan aduan awam berkaitan kerosakan jalan raya, lampu jalan, lampu isyarat, perabot jalan dan sebagainya melibatkan jalan-jalan kelolaan JKR dalam kawasan pentadbiran MBBJ.





PROGRAM 'LITTER PICKING'

Menjana Kehidupan Lestari
di Kawasan Pusat Bandar Johor Bahru

Seramai 300 anggota bersama-sama ketua jabatan Majlis Bandaraya Johor Bahru terlibat dalam program khidmat masyarakat, 'Litter Picking' di sekitar Kompleks Bangunan Sultan Iskandar (CIQ) Johor Bahru bermula jam 7.30 pagi hingga 10.00 pagi. Melalui program ini, warga kerja MBBJ bekerjasama melakukan aktiviti pembersihan di kawasan sekitar kompleks tersebut.

Program ini merupakan suatu inisiatif dalam memupuk usaha memelihara kebersihan bandar raya Johor Bahru, terutamanya di kawasan yang menjadi tumpuan dan merupakan pintu masuk ke selatan Semenanjung Malaysia kepada para pelancong dari luar negara.



SEKITAR LENS A PROGRAM 'LITTER PICKING'
SIRI 1 - SIRI 4
19 JANUARI 2020 - 1 MAC 2020



MAJLIS PERASMIAN PERSATUAN AMAL SIHAT JOHOR & *CARDIO FUN RUN 2020*

1 Februari 2020 – Bersempena program JB Wake Up! Car Free Day yang diadakan pada setiap hari Sabtu minggu pertama setiap bulan, telah diadakan Majlis Perasmian Persatuan Amal Sihat Johor & *Cardio Fun Run 2020*. Program ini bertujuan menggalakkan masyarakat Johor Bahru sentiasa menitikberatkan amalan gaya hidup sihat dalam masyarakat kehidupan seharian.

Perasmian program ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Dr. Sahrudin bin Hj. Jamal, Menteri Besar Johor merangkap Penaung Pertubuhan Sihat Johor. Turut serta dalam majlis tersebut ialah YB Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar, Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan Negeri Johor.

Acara pelepasan (*flag off*) *Cardio Fun Run* yang melibatkan penyertaan kira-kira 1,000 orang peserta untuk acara larian kategori 5 KM ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Haji Adib Azhari bin Daud, Datuk Bandar Johor Bahru.

Selain acara larian tersebut, turut diadakan aktiviti seperti "zumba" acara liga kampung (permainan tradisional), sukan memamah, pemeriksaan kesihatan percuma, cabutan nombor bertuah dan sebagainya.



KILAS



MAJLIS PENYERAHAN KUNCI MENARA MBBJ

1 Januari 2020 - Majlis Penyerahan Kunci Menara MBBJ daripada YBhg. Datuk Zamani bin Kasim, Ketua Pegawai Eksekutif Astaka Padu Sdn. Bhd. kepada YB Dato' Haji Adib Azhari bin Daud, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru telah selamat disempurnakan di Dewan Kenanga, Menara MBBJ di Bukit Senyum Johor Bahru. MBBJ mengambil inisiatif membina bangunan pejabat baharu bagi menggantikan pejabat sedia ada untuk kemudahan semua anggotanya. Pembinaan bangunan ini memakan masa hampir tiga tahun sebelum beroperasi sepenuhnya pada Mac 2020. Terdahulu, MBBJ memeterai perjanjian persefahaman (MOU) bersama Tetuan Astaka Padu Holdings bagi melaksanakan pembinaan Menara MBBJ ini pada 2 Ogos 2016.

MAJLIS BACAAN YASIN DAN TAHLIL DI MENARA MBBJ

5 Februari 2020 – Sebuah majlis bacaan Yasin dan tahlil bersama warga kerja dan pihak pengurusan MBBJ telah diadakan di Menara MBBJ, Bukit Senyum Johor Bahru. Majlis serba sederhana ini bertujuan menzahir kesyukuran atas kejayaan pembinaan bangunan Menara MBBJ yang dilengkapi dengan fasiliti moden yang akan memudahkan warga kerja dan juga pelanggan MBBJ. Perpindahan warga kerja MBBJ dari pelbagai jabatan dijadualkan berpindah secara berfasa bermula 18 Februari 2020 hingga 8 Mac 2020.



TAKLIMAT KEPADA ANGGOTA MBBJ BERKENAAN PROSES PERPINDAHAN KE MENARA MBBJ

13 Februari 2020 – Sebuah sesi taklimat berkenaan proses perpindahan ke Menara MBBJ, Bukit Senyum kepada anggota MBBJ diadakan sebagai persediaan menyeluruh terhadap pematuhan dan larangan sewaktu proses perpindahan dilaksanakan. Proses perpindahan ini bermula pada 18 Februari sehingga 8 Mac 2020. Taklimat perpindahan ini telah disampaikan oleh Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad, Timbalan Setiausaha, Haji Abdul Aziz bin Ithnin, Pengarah Khidmat Pengurusan dan Encik Abdul Hafiedz bin Abdul Ghazali, Penolong Pengarah Khidmat Pengurusan.





PROGRAM PEMBUDAYAAN AL-QURAN DAN TAKLIMAT ZAKAT

13 Februari 2020 – Sekitar program pembudayaan Al-Quran dan taklimat zakat pendapatan melalui potongan gaji yang telah disampaikan oleh Ustaz Mohd Rafi bin Latiff, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam dari Bahagian Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Negeri Johor kepada warga kerja MBBJ tentang kewajipan bayaran zakat berserta pengiraan yang lengkap. Khidmat pelanggan bagi urusan pertanyaan dan bayaran zakat turut dibuka kepada anggota MBBJ untuk pertanyaan dan penerangan yang lebih menyeluruh.



PROGRAM PEMBUDAYAAN AL-QURAN DAN CERAMAH KESIHATAN

20 Februari 2020 – Program pembudayaan Al-Quran dan ceramah kesihatan kepada anggota MBBJ telah diadakan di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim. Anggota MBBJ telah diberikan penerangan berkenaan penyakit influenza dan penyakit-penyakit dalam kalangan kanak-kanak yang telah disampaikan oleh Dr. Farzana binti Mohamed Yusof, Pakar Pediatrik di *Columbia Asia Hospital*, Tebrau, Johor Bahru. Perkongsian ilmu mengenai kaedah mengekang penularan penyakit influenza dalam kalangan kanak-kanak ini membantu warga kerja untuk sentiasa mengamalkan tahap kebersihan diri yang optimum.



'TOWN HALL'

MBJB BERSAMA MASYARAKAT

Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah menganjurkan beberapa siri 'town hall' Datuk Bandar Johor Bahru bersama Perbadanan Pengurusan Rumah Pangsa Kos Rendah di beberapa lokasi mengikut zon pentadbiran Ahli Majlis MBJB. Sesi 'town hall' ini diadakan bertujuan mewujudkan penghuni perumahan yang lestari selain mendalami isu-isu semasa yang dihadapi, meningkatkan taraf hidup masyarakat sejagat, menerangkan peranan dan tanggungjawab MBJB serta pemilik dan sebagai program ramah mesra pihak MBJB bersama penduduk.



Sesi 'Town Hall' Datuk Bandar Johor Bahru
Bersama Perbadanan Pengurusan Rumah
Pangsa Orkid, Taman Desa Cemerlang
12 Januari 2020



Sesi 'Town Hall' Datuk Bandar Johor Bahru
Bersama Perbadanan Pengurusan Rumah
Pangsa Cempaka, Taman Cempaka
9 Februari 2020



Sesi 'Town Hall' Datuk Bandar Johor Bahru
Bersama Perbadanan Pengurusan Rumah
Pangsa Larkin Perdana
23 Februari 2020



Sesi 'Town Hall' Datuk Bandar Johor Bahru
Bersama Perbadanan Pengurusan Rumah
Pangsa Laman Tasik Pandan
8 Mac 2020

Bacaan Yasin dan Tahlil di Menara MBBJ

12 Mac 2020 – Majlis bacaan Yasin dan tahlil bersama warga kerja dan pihak pengurusan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah diadakan di Dewan Kenanga di Menara MBBJ. Majlis doa dan kesyukuran ini diadakan setelah selesainya perpindahan anggota dari pejabat lama MBBJ di Jalan Dato' Onn ke bangunan pejabat baharu, Menara MBBJ di Bukit Senyum, Johor Bahru.



Sekitar Menara MBBJ





Maulidur Rasul Zon Kempas di Surau Hajjah Hazarabie Khan, Taman Bukit Kempas
Tarikh: 10 Januari 2020



Maulidur Rasul Zon Bakar Batu di Surau Al-Falah Sri Stulang
Tarikh: 5 Januari 2020



Hari Keluarga Zon Tampoi di Dewan Serbaguna Taman Damansara Aliff
Tarikh: 11 Januari 2020

PROGRAM ZON AHLI



Program 'Back To School' Zon Bandar di Dewan Tarom
Tarikh: 18 Januari 2020



Sambutan Maulidur Rasul Zon Penjaja di Bazar Karat
Tarikh: 7 Februari 2020



Maulidur Rasul Zon Tampoi di Surau Jalan Nona, Kg. Pasir
Tarikh: 31 Januari 2020



Sambutan Tahun Baharu Cina Zon Tiram di Dewan Kg. Baru Tiram
Tarikh: 6 Februari 2020



Program 'Search and Destroy' Zon Permas Jaya
di SK Permas Jaya 1
Tarikh: 29 Februari 2020



Program 'Search and Destroy' Zon Kg. Melayu
di SK Md Khir Johari
Tarikh: 22 Februari 2020



Program Dialog PDRM & Ahli Majlis Zon Desa
Cemerlang di Dewan Desa Cemerlang
Tarikh: 18 Februari 2020

MAJLIS & LAZI



Sambutan Chap Goh Mei Zon Setia Tropika di
Caryota Square
Tarikh: 8 Februari 2020



Pertandingan Catur Zon Taman Pelangi-Taman
Sentosa di Plaza Pelangi
Tarikh: 15 Februari 2020



Sambutan Tahun Baharu Cina
Zon Setia Austin di Jalan Jaya Putra (La Garden)
Tarikh: 8 Februari 2020



Maulidur Rasul Zon Kg. Melayu di SK Dato
Abdullah Esa
Tarikh: 15 Februari 2020


MBJB UNGGULI TEMPAT PERTAMA ANUGERAH INISIATIF NEGARA TAMAN TERINDAH SEMPENA HARI LANDSKAP NEGARA

1 Mac 2020 – Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah menduduki tempat pertama dalam Anugerah Inisiatif Negara Taman Terindah bersempena Majlis Perasmian Hari Landskap Negara 2020 yang telah diadakan di Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur.

Anugerah tersebut telah disampaikan oleh YBhg. Datuk Hajah Rosida binti Jaafar, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan kepada wakil anggota dari MBJB atas usaha membangun dan memperindah bandar raya Johor Bahru melalui pengurusan landskap yang ekosistem dan dinamik.

Pengiktirafan ini juga turut diberikan kepada pihak-pihak berkuasa tempatan negeri, komuniti, syarikat pemaju dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang bertuah atas kejayaan merancang, membangun dan melaksanakan pengurusan landskap bandar raya dengan lebih komprehensif.





TRIVIA: COVID-19

COVID-19 (Penyakit Coronavirus 2019) adalah sejenis virus yang boleh menyebabkan jangkitan saluran pernafasan. Jangkitan Coronavirus boleh menyebabkan spektrum gejala daripada selesema biasa kepada radang paru-paru (pneumonia) yang teruk. Antara gejala 'pneumonia' COVID-19 adalah demam, batuk dan kesukaran bernafas.

-Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia-

TRIVIA: PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Sebagai usaha mengekang penularan wabak ini, YAB Tan Sri Muhyiddin Bin Haji Muhammad Yassin (Perdana Menteri Malaysia) mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa mulai 18 hingga 31 Mac 2020. Terdapat enam (6) arahan yang terkandung dalam PKP iaitu:

- (i) Larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan ramai termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya.
- (ii) Sekatan menyeluruh semua perjalanan rakyat Malaysia ke luar negara.
- (iii) Sekatan kemasukan semua pelancong dan pelawat asing ke dalam negara.
- (iv) Penutupan semua taska, sekolah kerajaan dan swasta dan lain-lain institusi pendidikan rendah, menengah dan pra-universiti.
- (v) Penutupan semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam dan Swasta serta Institusi Latihan Kemahiran di seluruh negara.
- (vi) Penutupan semua premis kerajaan dan swasta kecuali yang terlibat dengan perkhidmatan penting negara (essential services).

-Sumber: Majlis Keselamatan Negara-

PELAKSANAAN KERJA-KERJA SANITASI DI MENARA MBBB BAGI MENCEGAH PENULARAN WABAK COVID-19



14 Mac 2020 - MBBB telah menjalankan kerja-kerja sanitasi di Menara MBBB. Usaha ini bertujuan mencegah penularan wabak COVID-19 dalam kalangan warga kerja dan juga para pelanggan MBBB. Warga bandar raya juga diingatkan untuk sentiasa mengamalkan langkah pencegahan yang disarankan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.

“Apabila kamu mendengar wabak (penyakit berjangkit) di suatu tempat, maka janganlah masuk ke dalamnya dan apabila kamu telah pun berada di tempat tersebut, janganlah keluar darinya.

(HR Al-Bukhari dan Muslim)

KERJA-KERJA DISINFEKSI DAN STERILISASI DI MASJID JAMEK BANDAR BARU UDA OLEH ANGGOTA JABATAN KESIHATAN DAN UNIT TINDAKAN CEPAT (UTC)



18 Mac 2020 - 20 anggota Jabatan Kesihatan MBBB dan Unit Tindakan Cepat (UTC) MBBB telah melaksanakan kerja-kerja disinfeksi dan sterilisasi di Masjid Jamek Bandar Baru Uda, Johor Bahru. Kerja-kerja ini turut dilaksanakan di beberapa buah masjid dan surau lain di sekitar bandar raya Johor Bahru bagi membendung penularan wabak penyakit berjangkit COVID-19.

MBJB LAKSANA KERJA DEKONTAMINASI MASJID BAGI MENCEGAH PENULARAN WABAK COVID-19

19 Mac 2020 – Majlis Bandaraya Johor Bahru giat melaksanakan kerja-kerja dekontaminasi di 10 buah masjid sekitar Johor Bahru iaitu di Masjid Tun Hussein Onn Larkin, Masjid India Johor Bahru, Masjid Al-Makmur Taman Kobena, Masjid Bukit Cagar, Surau Kuarters Bomba Kempas Permatang, Masjid As-Syakirin Bukit Saujana, Masjid Al Mizan Lebuhraya Pasir Gudang, Masjid Taman Dato' Onn, Masjid Ar-Rahman Taman Dahlia dan Masjid Kampung Kurnia.

Kerja-kerja dekontaminasi ini dijalankan berikutan terdapat risiko penyebaran COVID-19 di masjid berkenaan dalam kalangan jemaah tabligh yang telah menghadiri Perhimpunan Ijtima' Tabligh di Masjid Sri Petaling.




AKTIVITI RONDAAN DAN PENYERAHAN NOTIS PEMBERITAHUAN PENUTUPAN PREMIS PERNIAGAAN SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

21 Mac 2020 - Bermula 18 Mac 2020 lalu, anggota penguatkuasa Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) bersama-sama pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melaksanakan rondaan dan penyerahan notis pemberitahuan penutupan di premis-premis perniagaan dalam kawasan MBBJ, selain mengadakan kawalan 24 jam sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan. Aktiviti rondaan ini bertujuan memantau premis yang masih beroperasi dan memberi amaran kepada pemilik yang enggan mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan.



PEMANTAUAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (MOVEMENT CONTROL ORDER) BERKUATKUASA 18 MAC 2020 - 31 MAC 2020

Pihak berkuasa giat memantau pematuan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di sekitar kawasan bandar raya Johor Bahru termasuklah di kawasan Permas Jaya, South Key, Lebuhraya EDL, Lebuhraya Pasir Gudang, Tampoi dan Danga Bay, Johor Bahru.





Program 'Free Workout Johor' di Dataran Bandaraya Johor Bahru
Tarikh: 10 Januari 2020



Program 'JB Wake Up! Car Free Day'
Tarikh: 4 Januari 2020



Penyampaian Bantuan Tahun Baharu Cina Yayasan Bandaraya di Dewan Jubli Intan
Tarikh: 15 Januari 2020



MB
SANA



Program Bacaan 'Ratib Al-Attas' dan 'Asmaul Husna'
Tarikh: 16 Januari 2020



Program Penyampaian Amanat Menteri Besar di Persada Johor
Tarikh: 2 Februari 2020



'Dataran Recreational Day' di Dataran Bandaraya Johor Bahru
Tarikh: 17 Januari 2020



Kunjungan Hormat Konsulat Indonesia ke Pejabat Datuk Bandar
Tarikh: 29 Januari 2020



**Kunjungan Hormat Ketua Polis Johor ke Pejabat
Datuk Bandar
Tarikh: 12 Mac 2020**



**Projek Pendidikan dan Kemahiran YBJB di
Dewan Jubli Intan
Tarikh: 4 Mac 2020**

**YBJB
SINI**



**Pertandingan Boling Puspanita MBBJ di Leisure
Mall Johor Bahru
Tarikh: 27 Februari 2020**



**Majlis Perjanjian Persefahaman e-Sport Johor di
Toppen Mall Johor Bahru
Tarikh: 8 Februari 2020**



**Mesyuarat Agung Puspanita Negeri Johor di
Pusat Islam Iskandar
Tarikh: 27 Februari 2020**



**Sesi Dialog Bersama Penduduk Taman
Perniagaan Setia 2
Tarikh: 8 Februari 2020**



**Lawatan Tapak ke Medan Niaga Pasar Kg.
Melayu oleh Ketua Setiausaha, Kementerian
Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Tarikh: 22 Februari 2020**

JADUAL WAKTU URUSAN PEJABAT MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

MENARA MBBJ, PEJABAT JALAN DATO' ONN & JOTIC

HARI	JAM
AHAD – RABU	8.00 PAGI – 5.00 PETANG
KHAMIS	8.00 PAGI – 3.30 PETANG
WAKTU REHAT	1.00 TENGAH HARI – 2.00 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP

KAUNTER SETEMPAT (PEJABAT JALAN DATO' ONN)

HARI	JAM
AHAD – RABU	8.00 PAGI – 5.00 PETANG
KHAMIS	8.00 PAGI – 3.30 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP

PEJABAT CAWANGAN PERMAS JAYA

HARI	JAM
AHAD – RABU	9.00 PAGI – 4.00 PETANG
KHAMIS	9.00 PAGI – 1.00 TENGAH HARI
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP

PEJABAT CAWANGAN JOHOR JAYA

HARI	JAM
AHAD – RABU	9.00 PAGI – 4.00 PETANG
KHAMIS	9.00 PAGI – 3.00 PETANG
WAKTU REHAT	1.00 TENGAH HARI – 2.00 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP

PUSAT TRANSFORMASI BANDAR (UTC)

HARI	JAM
AHAD – KHAMIS	8.00 PAGI – 9.00 MALAM
JUMAAT & SABTU	8.00 PAGI – 5.00 PETANG
WAKTU REHAT	12.15 TENGAH HARI – 2.45 PETANG (JUMAAT SAHAJA)
KELEPASAN AM	TUTUP



WAKTU OPERASI KAUNTER PANDU BAYAR (Bayaran Cukai Harta & Kompaun MBBJ Sahaja)

JAN, FEB, JULAI & OGOS	
AHAD - RABU	9.00 PAGI – 4.00 PETANG
KHAMIS	9.00 PAGI – 1.00 TENGAH HARI
TUTUP : JUMAAT, SABTU & CUTI UMUM	
MAC, APR, MEI, JUN, SEPT, OKT, NOV & DIS	
DIBUKA PADA AHAD SAHAJA	9.00 PAGI – 4.00 PETANG
TUTUP : ISNIN HINGGA SABTU & CUTI UMUM	

Tel : 07-219 8008
(Bahagian Hasil, Jabatan Kewangan MBBJ)



MENARA MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

No. 1, Jalan Lingkaran Dalam,
Bukit Senyum, 80300 Johor Bahru,
Johor Darul Ta'zim.

Talian Am: 07 - 219 8000 Faks: 07 - 223 0619
Talian Bebas Tol: 1 - 300 - 88 - 0146
Whatsapp Aduan: 019 - 778 8212
Laman Web: www.mbjb.gov.my
Laman Sispaa: mbjb.spab.gov.my
E-mel: info@mbjb.gov.my

